

30 minit detik cemas

Oleh Kadir Dikoh **BM 24 JUN 2007**

KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkeras dengan keputusannya untuk meletak jawatan dalam politik dan kerajaan pada tempoh 30 minit pertama pemimpinan kanan Umno memujuknya supaya menarik balik keputusan itu.

Malah, anak-anaknya terutama Datuk Mokhzani yang turut berada dalam Bilik Perdana bersebelahan Dewan Merdeka di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) ketika itu, meminta pemimpin Umno itu supaya menghomati keputusan bapanya untuk bersara.

Ketika itu, Dr Mahathir dikatakan masih sebak dan tidak banyak bercakap sejak diiringi keluar dari Dewan Merdeka, beberapa kali menggelengkan kepala sebagai isyarat tidak mahu menarik balik keputusannya.

Pemimpin kanan Umno yang memujuk Per-

KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka membuat satu pengumuman penting selepas mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini Selasa ini.

Beliau juga akan memanggil mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) secepat mungkin bagi memberi penjelasan mengenai perkembangan terkini yang berlaku dalam Umno ekoran pengumuman mengejut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan sebelum bersetuju menarik balik semalam.

dana Menteri ketika itu ialah Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; tiga naib Presiden Umno – Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Turut sama ialah Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz; Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein; Ketua Penerangan, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob; Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Samsuddin dan beberapa ahli MT.

Selain Mokhzani, anggota keluarga Perdana Menteri yang berada dalam bilik itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan dua lagi anaknya, Mirzan dan Mukhriz.

Sumber-sumber berkata, setelah beberapa ketika pujukan oleh pemimpin kanan Umno itu tidak berjaya, Mokhzani dengan secara hormat

PM berlepas ke luar negara

DARI MUKA 1

memberitahu mereka yang hadir itu supaya keputusan bapanya dihormati.

Siti Hasmah juga dikatakan menyatakan pendirian yang sama supaya hasrat suaminya itu dituruti.

Bagaimanapun, selepas kira-kira 40 minit dalam bilik itu, Dr Mahathir berjaya dipujuk supaya bersetuju untuk terus menerajui kepimpinan parti dan kerajaan.

Sementara itu, Megat Junid berkata Dr Mahathir memang bersungguh-sungguh untuk meletakkan jawatan walaupun tiada bayangan beliau akan berbuat demikian sehingga ketika pengumuman itu dibuat pada akhir perhimpunan agung Umno semalam.

"Saya turut menangis dalam bilik itu dan memberitahu Dr Mahathir, demi kepentingan parti dan kerajaan, beliau tidak boleh pergi macam itu saja. Lepas itu, Pak Lah pujuk dia. Saya tengok Mokhzani begitu emosional tetapi Mirzan diam saja," katanya kepada *Berita Harian*.

Megat Junid, bekas Setiausaha Politik Perdana Menteri dan antara orang yang dikatakan rapat dengannya

berkata, beliau sendiri sudah merasakan suatu kelainan sejak hari pertama Perhimpunan Agung Umno 2002 Khamis lalu.

"Sepanjang berucap pada hari pertama itu, Dr Mahathir lima kali menyebut perkataan minta maaf. Ini tidak pernah dilakukannya. Kemudian ketika menggulung perbincangan, saya tengok dia meneguk air sebanyak enam kali, mungkin bagi mengawal perasaan.

"Bila beliau umum nak letak jawatan, saya ingat cuma nak letak jawatan sebagai Menteri Kewangan, tetapi rupanya daripada jawatan Presiden Umno. Saya cukup terkejut dan menolak Rafizah Aziz yang duduk di sebelah pergi ke arah Dr Mahathir, meminta jangan buat demikian. Saya enggan berbuat demikian kerana orang tahu saya memang "budak dia," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berlepas ke luar negara pada jam 10 pagi ini untuk bercuti rehat selama seminggu di Itali bersama Dr Siti Hasmah. Mereka berlepas dengan pesawat eksekutif kerajaan dari pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang.

Difahamkan, percutian itu sudah dirancang sebelum ini kerana memang kebiasaan Dr Mahathir bercuti seminggu selepas setiap kali perhimpunan agung Umno. Bagaimanapun, beliau, yang sepatutnya berlepas malam ini, berbuat demikian lebih awal.